

# Peluang pelajar gilap bakat ICT

BERITA HARIAN 3/4/18 M/S 28

**Kajang:** Pembinaan laman kelas yang dipertanggungjawab kepada pelajar yang dipercayai dalam setiap kelas secara tidak langsung membezakan pelajar kepada golongan itu mengembangkan bakat mereka dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Pelajar Tingkatan Tiga, Ammar Wafiq Ahmad Nizam, berkata ini adalah peluang keemasan kepada mereka untuk menonjolkan kemahiran dan kebolehan dalam bidang ICT terutama bagi memuat naik setiap bahan yang dikongsikan oleh rakan-rakan.

“Selain bertanggungjawab memuat naik bahan lengkap setiap mata pelajaran dan tugasas rakan kelas, saya juga berpeluang mencari idea untuk menghasilkan laman kelas yang lebih menarik untuk dikongsikan dengan rakan lain di sekolah ini dengan bantuan pelajar dari Tingkatan Empat dan Lima.

**Lebih banyak input**  
“Tugasan tambahan ini tidak menyusahkan diri dan tidak mengganggu proses pembelajaran saya kerana hanya dilakukan selepas tamat waktu sekolah.

“Saya juga mendapat lebih banyak ilmu dan input dari pada bahan yang dimuat naik kerana pada masa sama boleh dijadikan bahan rujukan bagi menghadapi peperiksaan Penaksiran Tingkatan Tiga (PT3) tidak lama lagi,” katanya.

Sementara itu, rakannya, Farah Nabilah Mohd Shuhaidy, berkata dia juga bertemu, berkata dia juga bertemu kerana menjadi pelajar yang terpilih untuk memuat naik bahan ke dalam laman kelas.

Katanya, selain memuat naik bahan yang dibekalkan oleh rakan-rakan kelas, dia juga akan membuat pelbagai

carian di internet berkaitan mata pelajaran, maklumat kesihatan dan pelbagai ilmu lain yang menarik untuk dikongsikan dalam laman kelasnya.

“Kami bersenang-senang untuk menyediakan laman kelas menarik dan kreatif kerana sekolah ada mengajurkan pertandingan laman kelas terbaik.

“Apabila terdapat pertandingan, secara tidak langsung akan memotivasi diri kami untuk menghasilkan laman kelas yang lebih baik dan bersaing secara sihat dengan semuakelas,” katanya.



Ammar Wafiq Ahmad Nizam

Farah Nabilah Mohd Shuhaidy